



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
Y A Y A S A N
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	27 JANUARY 2017

Tidak wajar tuduh CIA cemar reputasi

UM
-27/1/2017

KUALA LUMPUR 26

Jan. - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr. Mahathir Mohamad tidak sepatutnya menuduh Agensi Perisikan Pusat (CIA) sengaja mencemarkan reputasi beliau melalui pendedahan dokumen skandal Bumiputra Malaysia Finance Ltd. (BMF).

Naib Presiden Parti Cinta Malaysia (PCM), Datuk Huan Cheng Guan berkata, bekas Perdana Menteri itu seharusnya tahu tindakan CIA mengubah status dokumen tersebut adalah selaras dengan Akta Kebebasan Maklumat di Amerika Syarikat (AS).

Menurut beliau, tidak mungkin CIA sengaja mendedahkan dokumen berkenaan semata-mata untuk mencemarkan nama baik Dr. Mahathir.

“Dr. Mahathir yang menjatuhkan reputasinya sendiri apabila sanggup bersekongkol dengan DAP.

“Beliau sepatutnya berhenti memperlekehkan diri sendiri dan penyokongnya serta berundur dari politik,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Dr. Mahathir semalam mempersoalkan tindakan CIA mendedahkan dokumen yang mengaitkan beliau dengan skandal BMF yang pernah menggegarkan negara sekitar 1980-an.

Bekas Perdana Menteri itu mendakwa, CIA sengaja berbuat demikian sebagai tindak balas kerana pernah mengkritik dasar-dasar AS.